

8hb. September, 1977.

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 22 TAHUN 1977**

**Kelas dan Kekuatan Kenderaan bagi maksud tuntutan  
Elaun Hitung Batu di bawah Perintah Am Bab 'B'  
seksyen 6 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 / 77**

Saya diarah menarik perhatian tuan terhadap peruntukan dalam [Perintah Am Bab 'B'](#) seksyen 6 berhubung dengan Elaun Hitung Batu dan Kelas dan Kekuatan Kenderaan dan memaklumkan bahawa Kerajaan telah meminda peruntukan Kelas dan kekuatan Kenderaan seperti berikut:-

| <b>Kelas</b> | <b>Gaji Pegawai</b>                   | <b>Sukatan Selinder</b>        |
|--------------|---------------------------------------|--------------------------------|
| A            | Tidak kurang daripada \$1,345 sebulan | 1,400 s.s. dan ke atas         |
| B            | Tidak kurang daripada \$1,105 sebulan | 1,000 s.s. dan ke atas         |
| C            | Tidak kurang daripada \$745 sebulan   | Dibawah 1,000 s.s.             |
| D            | Kurang daripada \$745 sebulan         | Tidak kurang daripada 175 s.s. |
| E            | Kurang daripada \$745 sebulan         | Di bawah 175 s.s.              |

2. Adalah juga dimaklumkan bahawa kadar-kadar hitungan batu seperti di perenggan 3(vii) dalam Pekeliling Perbendaharaan 4/1974 telahpun dipinda oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/77.

3. Tarikh kuatkuasa pindaan-pindaan yang tersebut di perenggan 1 dan 2 di atas ialah pada 1.7.1977.

4. Peruntukan dalam perenggan 1 di atas adalah sebagai langkah sementara sahaja, sementara menunggu selesainya pindaan terhadap [Perintah Am Bab 'B'](#) seksyen 6 mengenai Kelas dan kekuatan Kenderaan.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)  
Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Jalan Dato' Onn,  
Kuala Lumpur.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan/Negeri.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Akauntan Negara Malaysia,  
Jalan Raja,  
Kuala Lumpur.